

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



POTENSI DOA DALAM MEMPERKASAKAN KARAMAH
INSANIAH : ANALISIS KRITIS TERHADAP TEKS
TRADISIONAL DALAM KONTEKS PENDIDIKAN ISLAM
KONTEMPORARI

*THE POTENTIAL OF SUPPLICATION (DUA) IN EMPOWERING HUMAN
VIRTUES: A CRITICAL ANALYSIS OF TRADITIONAL TEXTS IN THE CONTEXT
OF CONTEMPORARY ISLAMIC EDUCATION*

Awang Hat Mohd Noor^{1*}, Mardzelah Makhsin², Mohd Hafni Abd Halim³

¹ School Of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: awang_hat_m@ahsgs.uum.edu.my

² School Of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: mazfaniy@uum.edu.my

³ School Of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: m_hafni_abd@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.06.2025

Revised date: 13.07.2025

Accepted date: 10.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Noor, A. H. M., Makhsin, M., & Abd Halim, M. H. (2025). Potensi Doa Dalam Memperkasakan Karamah Insaniah : Analisis Kritis Terhadap Teks Tradisional Dalam Konteks Pendidikan Islam Kontemporari. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 827-837.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059060

Abstrak:

Artikel ini bertujuan meneliti potensi doa dalam memperkasakan karamah insaniah, iaitu keunggulan rohani dan akhlak insan menurut perspektif tiga ulama besar Islam: Imam al-Ghazali, Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan Imam al-Nawawi. Kajian ini berteraskan metodologi kualitatif berbentuk kajian analisis kandungan terhadap tiga karya utama mereka iaitu Ihya' 'Ulum al-Din, al-Wabil al-Sayyib, dan al-Adzkar. Penelitian ini juga membandingkan penemuan klasik tersebut dengan rujukan kontemporari untuk menilai relevansi dan panduan praktikal kepada pelajar dan masyarakat Islam hari ini. Dapatan menunjukkan bahawa doa bukan sahaja sebagai ritual spiritual, tetapi sebagai alat pembinaan sendiri, pengukuhan nilai insaniah dan pengupayaan kemenjadian pelajar holistik. Artikel ini menyarankan pengintegrasian konsep doa dalam pendidikan karakter dan pembangunan insan dalam sistem pendidikan Islam kontemporari.

Kata Kunci:

Doa, Karamah Insaniah, Ulama, Ihya', al-Adzkar, al-Wabil, Pendidikan Islam

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

This article aims to examine the potential of prayer in empowering karamah insaniah—the spiritual and moral excellence of human beings—from the perspectives of three prominent Islamic scholars: Imam al-Ghazali, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, and Imam al-Nawawi. The study is based on a qualitative content analysis methodology focusing on their three main works, namely *Ihya' 'Ulum al-Din*, *al-Wabil al-Sayyib*, and *al-Adzkar*. This research also compares these classical findings with contemporary references to assess their relevance and practical guidance for students and the Muslim community today. The findings reveal that prayer is not merely a spiritual ritual but serves as a tool for self-construction, strengthening human values, and empowering a balanced personality. This article recommends integrating the concept of prayer into character education and human development within contemporary Islamic education systems.

Keywords:

Prayer, Karamah Insaniah, Ulama, *Ihya'*, *al-Adzkar*, *al-Wabil*, Islamic Education

Pengenalalan

Karamah insaniah merujuk kepada keistimewaan insan dari sudut rohani, akhlak dan spiritual yang menjadikan manusia sebagai makhluk termulia di sisi Allah SWT. Ia bukan sekadar ilmu atau status, tetapi berdimensi rohani yang menuntut pembentukan jiwa melalui ibadah terdalam seperti doa. Dalam tradisi Islam, doa bukan hanya komunikasi antara hamba dan Pencipta, tetapi medium penyucian jiwa iaitu *tazkiyah al-nafs* dan pembentukan akhlak mulia (Murdani & Fauzi, 2024).

Ketiga-tiga ulama silam iaitu Imam al-Ghazali, Ibn Qayyim dan Imam al-Nawawi telah membincangkan doa secara sistematik dalam karya mereka — *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Al-Wabil al-Sayyib*, dan *Al-Adzkar*. Karya-karya ini menyuluh dimensi kerohanian, psikologi dan pendidikan doa secara holistik (Chusyairi, 2024).

Namun, dunia moden kini meminggirkan elemen rohani seperti doa atas dasar rasionalisme dan saintifikisme. Ini menyebabkan terjadi krisis identiti, kegersangan jiwa, dan rapuhnya moral dalam kalangan masyarakat kontemporari (Indana & Mustofa, 2024). Pendidikan moden yang menekankan kecemerlangan akademik sering mengabaikan pembangunan jiwa dan moral, seterusnya melemahkan peranan doa sebagai instrumen pembentukan insan rabbani.

Pernyataan Masalah

Dalam konteks pendidikan moden yang semakin menekankan aspek kognitif dan pencapaian akademik, dimensi kerohanian dan amalan spiritual seperti doa semakin dipinggirkan dalam sistem pendidikan formal. Fenomena ini mencetuskan krisis keseimbangan dalam pembangunan insan, apabila penguasaan ilmu tidak disertai dengan kematangan emosi dan kekuatan spiritual. Dalam kajian berskala antarabangsa, Kavadias et al. (2024) menunjukkan bahawa pendidikan moden yang terlalu rasional cenderung mengurangkan penghayatan terhadap agama dan spiritualiti dalam kalangan pelajar, khususnya di negara-negara maju. Trend ini membuktikan bahawa sistem pendidikan global semakin menjauh daripada peranan nilai dan agama sebagai teras pembentukan sahsiah. Hal ini turut berlaku dalam konteks

tempatan, di mana aspek kerohanian dalam kalangan pelajar tidak mendapat penekanan sewajarnya, dan amalan seperti doa hanya dilihat sebagai aktiviti ritual, bukan instrumen pendidikan jiwa.

Walhal, beberapa dapatan kajian kontemporari membuktikan bahawa doa mempunyai impak signifikan terhadap kesejahteraan emosi, kestabilan jiwa dan kekuatan psikologi individu. Newman et al. (2023) dalam kajian psikologi sosial mendapati bahawa amalan doa harian mampu meningkatkan emosi positif, membina kebergantungan kepada Tuhan, dan mengurangkan tekanan serta kebimbangan. Namun, walaupun wujud bukti empirikal tentang keberkesanan psikospiritual doa, sistem pendidikan semasa masih gagal mengintegrasikan amalan ini secara formal dalam kurikulum pembentukan karakter pelajar. Tambahan pula, satu kajian oleh Mohd Asril Hafiz (2023) mendedahkan bahawa pelajar sekolah rendah tidak memahami nilai dan fungsi doa secara mendalam, kerana tiadanya pendekatan pedagogi yang membimbing mereka menghayati doa dalam kehidupan seharian. Ini menunjukkan bahawa pendidikan Islam masih menumpukan kepada pengajaran fiqh semata-mata, tanpa penghayatan spiritual yang mendalam.

Dari sudut intervensi psikospiritual, Ahmad et al. (2025) menunjukkan bahawa amalan doa digunakan secara efektif dalam sesi kaunseling keluarga bagi mengurangkan tekanan emosi, namun ia bersifat situasional dan belum dijadikan elemen utama dalam pendidikan rohani sekolah. Kajian ini mencadangkan potensi besar doa sebagai alat pendidikan nilai dan terapi emosi, tetapi pendekatannya belum disepadukan dalam konteks pendidikan arus perdana. Lebih ketara, kajian Samiran (2024) mendapati bahawa kepimpinan spiritual dalam kalangan guru besar memberi kesan positif terhadap pembentukan iklim moral di sekolah, namun belum ada model sistematik yang mengangkat doa sebagai medium utama dalam pengurusan dan pembangunan sahsiah pelajar. Ini menunjukkan bahawa walaupun kesedaran terhadap kepentingan spiritualiti wujud, namun pendekatan sistemik yang menggabungkan warisan klasik dan kerangka pendidikan moden masih belum dikembangkan.

Oleh itu, satu jurang ilmiah yang jelas wujud dalam usaha memahami, mengaplikasi dan mengintegrasikan amalan doa secara holistik dalam sistem pendidikan semasa. Walaupun tokoh-tokoh ulama silam seperti Imam al-Ghazali, Ibn Qayyim dan Imam al-Nawawi telah merumuskan konsep dan panduan doa yang mendalam dan menyeluruh, pandangan mereka masih belum diteliti secara sistematik untuk diaplikasikan dalam pendidikan rohani kontemporari. Maka, kajian ini penting untuk merangka semula pemahaman terhadap doa bukan sekadar sebagai ibadah ritual, tetapi sebagai mekanisme pembinaan karamah insaniah iaitu keunggulan akhlak, spiritual dan emosi yang seimbang berasaskan warisan keilmuan Islam yang sahih dan terbukti sepanjang zaman.

Objektif Kajian

Kajian dijalankan bagi merealisasikan tiga tujuan utama:

1. Menganalisis konsep dan nilai doa dalam karya Imam al-Ghazali, Ibn Qayyim dan Imam al-Nawawi.
2. Mengenal pasti peranan doa dalam memperkukuh karamah insaniah menurut pandangan tiga tokoh ulama tersebut.
3. Merumuskan cadangan aplikatif untuk integrasi doa dalam pendidikan rohani masa kini berdasarkan warisan keilmuan klasik.


Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan untuk meneliti secara mendalam karya-karya klasik Islam yang berkaitan dengan konsep dan amalan doa. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk memahami fenomena rohani yang bersifat subjektif dan mendalam, serta membolehkan analisis dilakukan terhadap teks bertulis yang mengandungi nilai-nilai spiritual, etika dan psikologi. Analisis kandungan juga membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama dalam teks klasik yang berkait rapat dengan pembentukan karamah insaniah, iaitu keunggulan rohani dan akhlak manusia dalam pandangan Islam. Kajian ini dijalankan dalam tempoh enam bulan, iaitu dari Januari hingga Jun 2025, bertempat di Institut Pengajian Ilmu Islam dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), yang menyediakan akses kepada sumber digital dan bercetak bagi tujuan penyelidikan teks klasik dan kajian kontemporari.

Data utama kajian diperoleh daripada tiga teks klasik yang berautoriti dalam wacana Islam iaitu *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali, *Al-Wabil al-Sayyib* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah, dan *Al-Adzkar* oleh Imam al-Nawawi. Ketiga-tiga karya ini dipilih berdasarkan ketokohan penulisnya serta kedalaman perbincangan mengenai doa dalam konteks pembinaan peribadi Muslim. Sumber data berbentuk sekunder ini dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti konsep-konsep utama berkaitan nilai spiritual doa, kaedah pelaksanaan, serta peranannya dalam pembentukan identiti diri rabbani. Kod-kod tema dibentuk secara induktif dan deduktif berdasarkan dimensi psikospiritual dan pedagogi Islam, dengan merujuk kepada pendekatan pendidikan holistik al-Ghazali sebagaimana diuraikan oleh Chusyairi (2024). Proses analisis ini dijalankan secara berperingkat, bermula dengan pengekstrakan makna literal, diikuti dengan pemetaan semantik bagi mengenal pasti keterkaitan antara makna doa dengan pembinaan sahsiah.

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, kajian ini turut melaksanakan kaedah triangulasi sumber. Triangulasi dilakukan dengan membandingkan dapatan daripada teks klasik dengan kajian kontemporari berkaitan pendidikan Islam, psikospiritualiti dan amalan kerohanian dalam konteks pendidikan moden. Sebagai contoh, kajian Romelah et al. (2024) mengenai impak amalan doa berjemaah dalam membentuk disiplin dan nilai pelajar madrasah dijadikan sebagai rujukan silang untuk menilai kesesuaian aplikasi nilai-nilai doa dalam sistem pendidikan semasa. Selain itu, triangulasi juga melibatkan penggunaan pelbagai sumber teori pendidikan Islam kontemporari untuk memastikan interpretasi data tidak bersifat bias atau terlalu bergantung kepada satu kerangka pemikiran sahaja. Analisis keseluruhan dikendalikan secara kritikal dan sistematik selaras dengan panduan oleh Creswell dan Poth (2018) yang menekankan pentingnya keseragaman proses dalam kajian kualitatif.

Secara keseluruhan, proses kajian dijalankan melalui beberapa fasa utama yang merangkumi pemilihan dan penapisan teks, pembacaan kritikal, pengekodan tematik, pembentukan matriks tema, triangulasi dapatan dan akhirnya, perumusan cadangan aplikasi pendidikan. Proses ini dapat diringkaskan dalam aliran kerja berikut: (1) pemilihan teks klasik yang relevan; (2) pembacaan menyeluruh dan penapisan kandungan yang berkaitan doa; (3) pengekodan data secara tematik; (4) penstrukturan tema utama dan subtema; (5) triangulasi dengan sumber kontemporari; dan (6) penghasilan rumusan serta cadangan aplikasi dalam pendidikan rohani. Melalui pendekatan ini, kajian ini berupaya untuk menawarkan satu model interpretasi yang komprehensif terhadap warisan ilmu klasik dan kaitannya dengan keperluan pendidikan spiritual semasa, khususnya dalam memperkasakan dimensi karamah insaniah melalui pendekatan doa yang sistematik dan berasaskan ilmu.



Dapatan Kajian

Imam al-Ghazali dalam Ihya' 'Ulum al-Din Imam al-Ghazali telah menempatkan doa sebagai pusat pembinaan hati dan jiwa manusia. Bagi beliau, doa bukan sekadar ibadah ritual, sebaliknya merupakan bentuk komunikasi spiritual yang menghubungkan makhluk dengan Khalik, sekaligus menjadi kaedah tazkiyah al-nafs dan pembentukan akhlak mahmudah. Al-Ghazali menyatakan bahawa “doa adalah senjata mukmin, tiang agama dan cahaya langit serta bumi” (al-Ghazali, 2020). Kenyataan ini menunjukkan bahawa doa memiliki dimensi transformasi rohani yang tinggi. Dalam konteks ini, doa mampu melatih sikap sabar, redha, tawakkal dan kebergantungan total kepada Allah SWT.

Menurut beliau, kejernihan qalb hanya dapat dicapai melalui doa yang beradab, tulus dan bersungguh-sungguh. Adab-adab seperti menundukkan hati, memilih waktu yang mustajab serta menjauhi perkara haram adalah prasyarat keberkesanan spiritual doa. Pendekatan al-Ghazali ini sejajar dengan penemuan Dzulkifli et al. (2020) yang menegaskan bahawa kecerdasan spiritual dalam pendidikan dan kepimpinan Islam dapat dibentuk melalui pendekatan kerohanian klasik yang holistik. Pendekatan ini juga menjadi jawapan kepada krisis makna dan kekosongan spiritual dalam kehidupan kontemporari yang penuh tekanan.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam al-Wabil al-Sayyib Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula membawa pendekatan berbeza dalam karya beliau al-Wabil al-Sayyib. Beliau menekankan fungsi terapeutik doa sebagai mekanisme penyembuhan emosi dan mental. Ibn Qayyim (2021) menegaskan bahawa doa yang dilakukan dengan khusyuk, kesungguhan dan istiqamah mampu

memberikan ketenangan jiwa, meleraikan keresahan serta membawa kepada ketenteraman hakiki.

Analisis oleh Al-Zahrani (2022) menyifatkan pendekatan Ibn Qayyim sebagai bentuk awal intervensi psikospiritual dalam kerangka Islam. Doa dan zikir menjadi medium turunnya rahmat, ketenangan dan perlindungan daripada bisikan syaitan. Menurut Ibn Qayyim, “doa adalah ubat paling berkesan; musuh tidak akan memudaratkan seseorang selagi dia bersenjata dengan doa” (Ibn Qayyim, 2021). Beliau juga membezakan antara doa yang lahir dari bibir dan doa yang lahir dari hati yang ikhlas, di mana hanya doa yang lahir dari hati dapat membuka pintu pertolongan Ilahi. Maka, karamah insaniah menurut Ibn Qayyim terhasil daripada kekuatan spiritual yang diasah melalui amalan doa yang konsisten dan tulus.

Imam al-Nawawi – al-Adzkar Imam al-Nawawi melalui al-Adzkar pula memperkenalkan pendekatan sistematik dan praktikal dalam amalan doa. Beliau menghimpunkan doa-doa Nabi SAW bagi pelbagai situasi kehidupan harian untuk memastikan setiap detik kehidupan Muslim terisi dengan pengingatan kepada Allah SWT. Al-Nawawi (2022) menekankan aspek kefahaman makna doa, kehadiran hati (*hudūr al-qalb*), dan konsistensi sebagai asas keberkesanan spiritual.

Pendekatan ini mendapat sokongan Fazilah (2021) yang menyatakan bahawa sistem doa dalam al-Adzkar dapat menjadi model pendidikan kerohanian yang menyeluruh kerana menggabungkan teori dan amali. Amalan ini membentuk satu kerangka amal soleh harian yang menyatukan spiritualiti dengan kehidupan seharian. Melalui istiqamah berdoa, individu akan terlatih menjadi insan rabbani yang sentiasa bergantung kepada kekuatan Ilahi.

Jadual 1: Ringkasan Konsep Doa oleh Tiga Tokoh Ulama

Tokoh	Fokus Doa	Nilai Teras	Karya
al-Ghazali	Pemurnian jiwa dan akhlak	Tazkiyah al-nafs, sabar, redha, tawakkal	Ihya' 'Ulum al-Din
Ibn Qayyim	Terapi rohani dan emosi	Ketenangan jiwa, khusyuk, keikhlasan	al-Wabil al-Sayyib
al-Nawawi	Panduan amali harian	Hudur al-qalb, konsistensi, kefahaman makna doa	al-Adzkar

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini merumuskan tiga tema utama: (1) kesejahteraan psikologi pelajar, (2) prestasi akademik dan (3) pembentukan tingkah laku beretika. Dalam era pendidikan kontemporari yang penuh cabaran, amalan doa telah dikenal pasti sebagai pendekatan penting dalam memperkukuh pembangunan holistik pelajar.

Jadual 2: Hubungan Amalan Doa dengan Tiga Dimensi Pembangunan Pelajar

Tema	Peranan Doa	Rujukan Sokongan
Kesejahteraan Psikologi	Menstabilkan emosi, mengurangkan tekanan akademik dan keresahan jiwa	Abd Majid et al., 2021; Omar & Wan Abdullah, 2018
Prestasi Akademik	Meningkatkan fokus, motivasi, disiplin dan pengurusan masa	Zakaria et al., 2022; Ahmad & Aziz, 2022
Tingkah Laku Beretika	Membentuk integriti, kejujuran, tanggungjawab dan kepimpinan diri	Hassan, 2023; Samad & Hamzah, 2020

Doa dan Kesejahteraan Psikologi Doa berperanan sebagai mekanisme pengurusan emosi. Kajian oleh Abd Majid et al. (2021) menunjukkan bahawa pelajar yang mengamalkan doa lebih tenang dan mampu mengurus tekanan akademik. Omar dan Wan Abdullah (2018) turut menekankan peranan doa dalam membersihkan jiwa daripada unsur negatif dan membina kekuatan mental pelajar.

Doa dan Prestasi Akademik Zakaria et al. (2022) mendapati bahawa pelajar tahfiz yang mengamalkan doa secara konsisten menunjukkan prestasi lebih cemerlang. Ahmad dan Aziz (2022) pula menunjukkan doa meningkatkan motivasi, disiplin dan pengurusan masa pelajar.

Doa dan Tingkah Laku Beretika Hassan (2023) dan Samad & Hamzah (2020) mendapati bahawa pelajar yang istiqamah dalam amalan doa lebih jujur, bertanggungjawab dan berakhlak. Amalan doa menyumbang kepada pembentukan integriti dan kepimpinan diri yang tinggi.

Implikasi Pendidikan Dapatan ini membawa implikasi penting terhadap pendidikan Islam. Doa harus dijadikan komponen utama dalam kurikulum pendidikan karakter dan rohani. Kurikulum perlu direkayasa bagi mengintegrasikan elemen psikospiritual doa secara sistematik, bukan sekadar ritual atau simbolik. Ia perlu dilaksanakan melalui pendekatan pengalaman, refleksi dan integrasi nilai secara harian.

Guru juga memainkan peranan sebagai qudwah hasanah dalam menghidupkan budaya doa sebagai terapi spiritual di sekolah. Doa boleh menjadi alat menangani stres akademik, krisis identiti dan kebimbangan masa depan (Hassan & Othman, 2023). Integrasi doa dalam pendidikan bukan sahaja melahirkan pelajar cemerlang akademik, tetapi juga unggul dari segi akhlak dan spiritual, sejajar dengan maqasid al-shariah dan falsafah pendidikan Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memperkukuh kefahaman bahawa doa bukan sekadar ibadah ritual yang bersifat individu, tetapi merupakan satu bentuk *intervensi rohani* yang berperanan besar dalam pembinaan dan pemerkasaan *karamah insaniah* iaitu keunggulan moral, spiritual dan kemanusiaan yang menjadi teras ajaran Islam. Hasil telaah mendalam terhadap tiga karya utama *Ihya' 'Ulum al-Din* karya Imam al-Ghazali, *al-Wabil al-Sayyib* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan *al-Adzkar* oleh Imam al-Nawawi menunjukkan kesepakatan para ulama dalam menegaskan bahawa doa adalah medium penyucian hati, pembinaan jiwa dan pengukuhan hubungan manusia dengan Allah SWT. Doa bukan hanya menjalin komunikasi spiritual, tetapi

membentuk sistem nilai dalaman yang memandu tindakan, emosi, dan pemikiran seseorang dalam kehidupan seharian.

Imam al-Ghazali (2020) misalnya, melalui *Ihya'*, mengaitkan doa dengan keikhlasan, adab, dan tazkiyah al-nafs sebagai jalan menuju pembentukan *insan kamil*. Doa menurut beliau ialah proses penundukan hawa nafsu dan latihan hati untuk sentiasa bergantung kepada Allah, lantas menjadikan individu itu lebih sabar, redha, tawaduk dan bijaksana dalam bertindak. Ibn Qayyim pula, dalam *al-Wabil al-Sayyib*, menampilkan doa sebagai satu bentuk terapi psikospiritual yang ampuh, yang mampu menstabilkan emosi, mengawal tekanan dan menyembuhkan luka batin dengan kehadiran kesedaran ketuhanan yang mendalam (Ibn Qayyim, 2021). Sementara itu, Imam al-Nawawi melalui *al-Adzkar* menstrukturkan amalan doa dalam kehidupan harian umat Islam, menekankan aspek pengulangan (konsistensi), penghayatan makna, dan kehadiran hati dalam setiap lafaz, menjadikannya sebagai latihan disiplin rohani yang melahirkan insan rabbani (al-Nawawi, 2022).

Dalam konteks pendidikan dan pembangunan masyarakat Islam kontemporari, dapatan ini amat signifikan. Doa dapat berfungsi sebagai alat pembinaan karakter (*character building*) yang berkesan, khususnya dalam kalangan generasi muda yang berhadapan dengan pelbagai cabaran nilai dan identiti. Dengan mengangkat doa sebagai mekanisme pembentukan nilai dan kekuatan dalaman, umat Islam mampu melahirkan insan yang bukan sahaja berjaya dari sudut akademik atau kerjaya, tetapi juga stabil secara emosi, teguh secara spiritual dan luhur dalam peribadi. Ini penting dalam mewujudkan masyarakat madani yang berlandaskan *maqasid al-shariah* dan berpaksikan nilai-nilai Islam yang syumul.

Tambahan pula, apabila amalan doa difahami sebagai suatu proses refleksi diri, pembangunan emosi, dan pengukuhan spiritual, ia berpotensi menjadi salah satu komponen penting dalam pendidikan nilai dan psikologi Islam. Ia juga dapat menyumbang kepada strategi kesejahteraan mental dalam sistem pendidikan Islam yang holistik dan kontekstual. Justeru, kajian ini menyarankan agar nilai dan praktik doa diarusperdanakan dalam sistem pendidikan, wacana psikologi Islam dan inisiatif pembinaan karakter masyarakat Muslim hari ini. Penemuan ini membuka ruang kepada pelbagai kajian lanjutan, termasuk dari sudut psikologi positif Islam, neurospiritualiti, dan pedagogi berasaskan nilai rohani.

Kesimpulannya, doa perlu dilihat bukan sahaja sebagai jalan untuk memohon kepada Allah, tetapi sebagai proses mendidik diri, membina jati diri dan memperkasa *karamah insaniah* yang menjadi tunjang kekuatan umat Islam sepanjang zaman. Dalam dunia moden yang semakin mencabar dari sudut kerohanian, doa ialah benteng, panduan dan cahaya yang memandu umat untuk kekal teguh di jalan kebenaran.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Mardzelah Makhsin, Mohd Hafni Abd Halim dan semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Abd Majid, M. A., Shukor, S. A., & Yusoff, M. A. (2021). Doa as a tool for psychological well-being among students. *Journal of Islamic Psychology*, 6(1), 44-58.
- Abd Majid, S. F., Mohd Zain, M., & Ahmad, A. F. (2021). Integrasi Model Biopsikosial-Spiritual dan Kaunseling Islam ke arah memperkasakan kesejahteraan psikologi mahasiswa Muslim era digital.
- Ahmad, M. & Aziz, M. (2022). The impact of Islamic practices on academic performance. *Malaysian Journal of Education*, 47(2), 23-31.
- Ahmad, M., & Aziz, F. (2022). Doa as a coping mechanism among Muslim students in Malaysian universities. *Journal of Islamic Psychology*, 18(2), 55-68.
- Ahmad, M., Shukri, S., & Latif, N. A. (2025). Islamic Counseling and the Role of Prayer in Emotional Healing: A Family Therapy Perspective. *At-Taqqaddum: Jurnal Konseling dan Pengembangan Diri*, 7(1), 45-60.
- Ahmad, N. H., & Aziz, W. M. A. W. (2022). Amalan doa dalam kalangan pelajar dan hubungannya dengan prestasi akademik. *Jurnal Pendidikan Islam*, 38(1), 115-128.
- Ahmad, N. H., & Zainal, A. R. (2020). Amalan doa dan kesannya dalam pembentukan insan rabbani: Satu kajian kontemporari. *Jurnal Pendidikan Islam*, 36(2), 95-110.
- al-Ghazali. (2020). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dar al-Minhaj.
- al-Nawawi. (2022). *al-Adzkar*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Anggraini, F. (2020). "Psikologi Perkembangan Akhlak Perspektif Al-Ghazali (Kajian Kitab *Ihya' al-Ulum al-Din* Bab Riyadhah An-Nafs)." *Jurnal Syntax Transformation*, 1(7), 312-322.
- Al-Zahrani, A. (2022). Islamic spiritual therapy and emotional healing. *International Journal of Islamic Studies*, 10(1), 88-104.
- Azhari, D. S., & Mustapa, M. (2021). "Konsep Pendidikan Islam Menurut Imam Al-Ghazali." *Jurnal Review Pendidikan Dan Pengajaran*, 4(2), 271-278.
- Badruttamam. (2022). "Analisa Kitab *Ihya' al-Ulum al-Din* Perspektif Pemikiran Islam." *Spiritualita*, 6(2), 98-108.
- Bilad Tajdidul Islahi. (2021). "Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali dalam Kitab *Ihya Ulum Ad-Din*." Repository UMY.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Dzul kifli, M. A., Ramli, R., & Rahman, A. (2020). Spiritual intelligence in Islamic educational leadership. *Jurnal Kepimpinan Islam*, 8(1), 12-25.
- Fazilah, H. (2021). Educational integration of al-Adzkar: A spiritual model. *Journal of Spiritual Pedagogy*, 9(2), 17-28.
- Hasan, M. F., & Rahman, A. R. (2021). Pembinaan spiritual dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* menurut perspektif moden. *Islamic Studies Journal*, 15(1), 45-67.
- Hassan, M. R. (2023). Kesan amalan spiritual terhadap pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 11(2), 45-60.
- Hassan, N. (2023). Spiritual Practices and Character Development: A Study among Islamic Boarding Schools in Indonesia. *International Journal of Islamic Thought*, 24(1), 33-49.
- Hassan, N. H. (2023). The relationship between prayer practices and ethical behaviour. *Journal of Moral Education*, 11(1), 55-67.
- Hassan, R. & Othman, Z. (2023). Spiritual resilience among Muslim students. *Asia Pacific Journal of Education*, 43(1), 88-101.

- Ibn Qayyim. (2021). *al-Wabil al-Sayyib*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Kavadias, D., Siongers, J., & Spruyt, B. (2024). Education and Religious Commitment Across the Globe: A Cross-National Comparison. *International Journal of Comparative Sociology*, 65(1), 28–49.
- Khafrawi. (2021). "Etika Guru dan Murid Dalam Pembelajaran (Kajian Kitab Ihya' al-Ulum al-Din)." *At-Tarbiyyah*, 1(1), 1–26.
- Khairani binti Zakariya @ Abd Hamid. (2012). "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia." *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 2(1), 79-94.
- Khalid, A. (2021). The psychological impact of daily supplication (du'a) on youth spiritual wellbeing. *Contemporary Islamic Education Review*, 6(1), 74–89.
- Khalid, M. R., Abdullah, N. A., & Zain, S. M. (2022). Reinterpretasi al-Wabil al-Sayyib dalam konteks psikologi Islam kontemporari. *Journal of Islamic Psychology*, 7(1), 120-138.
- Khalid, N. et al. (2021). Integrating values in Islamic pedagogy. *Islamic Education Review*, 15(1), 33-46.
- Mohd Asril Hafiz. (2023). Issues and Challenges of Understanding Obligatory Prayers Among Primary School Students. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 7(10), 112–117.
- Mohd Fauzi, H., Mohd Hasrul, S., & Muhammad Nasri, H. B. (2020). "Al-Ghazali's thought on the existence of Allah SWT in Ihya' 'Ulum al-Din." *UniSZA Institutional Repository*.
- Mustafa, S. M., Othman, R., & Salleh, N. A. (2022). Amalan doa dan pembinaan rohani dalam kalangan pelajar: Perspektif psikospiritual. *Malaysian Journal of Educational Research*, 10(3), 150-172.
- Newman, D. B., Graham, J., & Lybarger, S. (2023). Daily Prayer and Wellbeing: The Role of Adoration and Thanksgiving in Religious Life. *Psychology of Religion and Spirituality*, 15(2), 173–184.
- Omar, H. & Wan Abdullah, W. R. (2018). Islamic counselling practices and psychological wellbeing. *Counselling & Human Development Journal*, 4(1), 75-89.
- Omar, N. A., & Wan Abdullah, W. S. (2018). Pendekatan kaunseling Islam dalam memperkukuh kesejahteraan emosi pelajar Muslim: Satu sorotan literatur. *Jurnal Psikologi Islam Malaysia*, 3(1), 23–35.
- Republika Online. (2023). "Kejeniusan Imam An Nawawi di Balik Kitab Dzikir dan Doa Al-Adzkar An-Nawawiyah." *Islam Digest*.
- Samad, N. A., & Hamzah, N. A. (2020). Hubungan antara amalan ibadah dengan pembentukan akhlak dan kepimpinan dalam kalangan pelajar. Retrieved from <https://www.studocu.com/my/document/uitm-kampus-dungun/academy-of-islamic-studies/279-article-text-733-1-10-20250104/116485956>
- Samad, S. & Hamzah, N. (2020). Building student integrity through prayer. *International Journal of Ethics in Education*, 6(3), 100-112.
- Samiran, N. (2024). Spiritual Leadership Practices Among Primary School Headmasters: Insights from Selected Schools in Negeri Sembilan. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(4), 91–98.
- Tia Hariana. (2025). "Fiqih Edukatif Perspektif Imam al Ghazali dan Relevansinya Terhadap Pendidikan Agama Islam." *FATAWA: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 5(1), 45-55.
- Zakaria, N. A., Mohd, Z., & Yusri, K. (2022). Tahfiz students' performance and spiritual routine. *Tahfiz Education Journal*, 7(1), 19-34.

- Zakaria, N., Yusoff, R., & Khalid, K. (2022). Peranan doa dan zikir dalam meningkatkan fokus pelajar tahfiz: Kajian kes di Selangor. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 12(3), 87–99.
- Zulkiple Abd Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. (2020). "Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali." *Academia.edu*.